

PTD perlu dedikasi, bertanggungjawab

UM BH 30 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) perlu berdedikasi, bertanggungjawab dan berupaya membuat pertimbangan wajar tanpa dipengaruhi emosi dan sentimen, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ciri itu perlu bagi menghadapi cabaran pentadbiran awam yang dinamik, lebih-lebih lagi apabila rakyat semakin celik dan peka mengenai hak mereka.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan anggota PTD supaya menimba segala ilmu pengetahuan dan latihan sewajarnya dalam bidang pentadbiran awam bagi melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Peringatan Perdana Menteri itu disampaikan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mewakili beliau pada majlis makan malam Persatuan Alumni PTD (PTD Alumni), di sini malam ini.

Dr Mahathir juga mengingatkan anggota PTD yang sudah dilatih dan diasuh dengan disiplin yang ketat selain berpengalaman luas dalam pentadbiran supaya terus khidmat untuk negara walaupun selepas bersara daripada perkhidmatan awam.

“Pengalaman mendalam yang

diperolehi ketika bertugas sama ada di dalam atau luar negara adalah aset bermakna yang boleh digunakan untuk memberi sumbangan produktif kepada negara sama ada menerusi agensi kerajaan mahupun swasta.

“Kerajaan yakin anggota PTD boleh memberi sumbangan besar dalam bentuk buah fikiran, yang boleh menghasilkan sesuatu untuk pembangunan negara, terutama pembangunan ekonomi,” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan sistem pentadbiran awam negara, yang diwarisi daripada penjajah adalah yang terbaik di dunia.

“Walaupun kita menentang penjajah dari dulu sehingga sekarang, kita tidak dapat menafikan bahawa satu daripada pusaka peninggalan zaman penjajah adalah sistem pentadbiran yang baik.

“Namun, kejayaan perubahan negara juga berpunca daripada beberapa fakta, antaranya ialah kita mempunyai benteng kekuatan yang disumbang pentadbiran awam dan diplomatik negara,” katanya sambil meminta PTD Alumni mengekalkan kecemerlangan perkhidmatan itu dalam sebarang tugas yang dilaksanakan.